

11 FEB 1997

Anwar-Khutbah

ANWAR NASIHATI KERAJAAN KELANTAN SUPAYA UBAH SIKAP

BUKIT MERTAJAM, 11 Feb (Bernama) -- Timbalam Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini menasihati kerajaan Kelantan supaya mengubah sikap dan jangan menggunakan masjid dan khutbah sebagai alat untuk mengutuk atau memaki hamun orang lain terutamanya parti lawan.

Beliau berkata kerajaan Kelantan perlu mengambil pendekatan yang sederhana dan menjadikan khutbah sebagai forum untuk mewujudkan perpaduan di kalangan ummah.

Khutbah bukan bertujuan menimbulkan perbalahan dan menjadi gelanggang untuk melepaskan perasaan marah, sebaliknya ia merupakan ruang mengembalikan kekuatan ummah untuk membina perpaduan yang lebih jitu, katanya kepada pemberita pada majlis rumah terbuka sempena Hari Raya di rumah keluarganya di Cherok Tok Kun di sini.

Beliau kesal sekiranya kerajaan Kelantan menjadikan khutbah sebagai medan untuk mencerca orang lain dan tindakan sedemikian bukan perkara yang asing di negeri itu dan mereka perlu mengubah sikap ini agar tidak memecahkan perpaduan ummah.

Mengenai penyeragaman khutbah bagi sembahyang sunat Hari Raya, beliau berkata bukan semua negeri menghadapi masalah sedemikian dan penyeragaman hanya berguna di negeri tertentu sahaja.

"Bagaimanapun apa yang penting ialah kita mencapai kata sepakat bahawa khutbah mesti bertujuan menyatu-padukan ummah dan meningkatkan moral bukan untuk melepaskan geram atau menyerang parti lawan," katanya

Sementara itu, mengenai kesesakan jalan raya di kebanyakan bandar sempena cuti raya beliau berkata kerajaan-kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan boleh mencontohi pembangunan infrastruktur dan pengangkutan awam di Kuala Lumpur antaranya sistem transit ringan dan keretapi komuter sekiranya ia didapati boleh mengatasi perkara itu.

Mereka juga dinasihatkan supaya mengambil pendekatan pro-aktif untuk merangka cara mengatasi kesesakan lalulintas sebelum keadaan menjadi lebih buruk, katanya.

Bagaimanapun katanya, kebanyakan kerajaan negeri seperti Pulau Pinang, Perak dan Johor mula mengorak langkah ke arah itu untuk memastikan keadaan lebih baik.

Beliau telah berbincang mengenai perkara itu (kesesakan) dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan mungkin mengadakan mesyuarat dengan Menteri-menteri Besar, Ketua Menteri dan pegawai perancang bandar pada bulan depan, katanya.

Anwar berkata kesesakan di Kuala Lumpur pada ketika ini agak teruk berikutan perancangan untuk laluan bas tidak berjalan lancar dan pertambahan jalan tidak dapat menampung pertambahan kenderaan.

Bagaimanapun katanya, kerajaan tidak boleh memberi tumpuan yang berlebihan kepada pembangunan infrastruktur di bandar-bandar kerana ia akan mengorbankan pembangunan di kawasan luar bandar dan bandar-bandar kecil.

Masalah kesesakan ini memerlukan perancangan yang teliti dan ia tidak boleh diselesaikan dalam masa yang singkat kerana ada kalanya terdapat kelewatan dalam perlaksanaan berikutan proses kelulusan, perundingan antara agensi dan syarikat yang mendapat kontrak.

Kerajaan memang menyediakan peruntukan yang besar untuk meningkatkan infrastruktur dan pengangkutan awam tetapi adakalanya sesetengah projek boleh dilaksanakan pihak swasta, yang sekali gus meringankan beban kerajaan.

Mengenai cadangan pembinaan laluan ketiga di Pulau Pinang katanya Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon ada memaklumkan perkara itu kepadanya dan meminta beliau mengemukakan satu cadangan yang lengkap berhubung perkara itu.

Bagaimanapun katanya cadangan itu terlalu awal dan kajian lanjut mengenainya perlu dijalankan.

Mengenai tindakan peniaga menaikkan harga barang pada musim perayaan, Anwar berkata pihak berkuasa telah meninjau beberapa kedai dan pasar serta mendapati mereka menjual barang dengan harga yang berpatutan.

Beliau amat berpuas hati dengan keadaan itu dan memuji tindakan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna yang berusaha mengawal harga barangan.

Mengenai kedudukan ringgit yang kukuh berbanding dolar Amerika, Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata perkara itu tidak seharusnya dijadikan isu kerana kedudukan ekonomi negara memang kukuh dan stabil.

Jika nilai ringgit kekal dalam lingkungan yang berpatutan ia akan terus kukuh pada masa akan datang, katanya.

Bagaimanapun, katanya perbandingan tidak harus dihadkan kepada dolar Amerika semata-mata malahan perlu melihat kedudukan mata wang negara di kalangan beberapa mata wang utama dunia sebagai ukuran kekukuhannya.

"Selagi produk dan keluaran negara boleh kekal bersaing di pasaran antarabangsa selagi itulah matawang kita akan terus kukuh," katanya.

Pada majlis itu, kira-kira 10,000 orang daripada pelbagai kaum mengunjungi rumah Anwar sejak pukul 9 pagi untuk mengucapkan selamat Hari Raya kepada beliau dan isteri.

Dr Koh dan beberapa anggota Exco kerajaan negeri serta pemimpin parti dan masyarakat turut menghadiri majlis itu.

Sementara itu, jalan daripada pekan Bukit Mertajam menuju ke rumah Anwar mengalami kesesakan kerana orang ramai berpusu-pusu ke sana.

Tinjauan BERNAMA juga mendapati jalan raya menuju ke bahagian pulau turut mengalami kesesakan terutamanya berhampiran plaza tol jambatan Pulau Pinang.

Kenderaan terpaksa bergerak perlahan dan adakalanya menunggu beberapa jam untuk menyeberangi jambatan itu dan kesesakan turut berlaku di jeti kerana kebanyakan kenderaan mengelakkan daripada menggunakan jambatan. --

BERNAMA

ZU PR